

Seruan Terbuka Kepada Seluruh Alam Islam

Dalam masa lawatan anggota rombongan Muslimin dari Iraq ke Indonesia, Singapura dan Malaysia mereka telah menyeru seluruh umat Islam di seantero dunia agar mereka turut sama berjuang mengembalikan bumi Palestin termasuk kota suci Baitul Maqdis di mana terletak di dalamnya Masjid al-Aqsa — kiblat orang-orang Islam yang pertama — yang telah dirampas oleh orang-orang Yahudi (*Zionist*).

Memandang kepada besarnya faedah seruan tersebut bagi mengembalikan semangat keperwiraan umat Islam, maka di bawah ini kami siarkan terjemahan seruan itu — Pengarang.

Firman Allah di dalam al-Qur’ān:
“Innamā al-mu’minūna alladhīna āmanū bi’l-Lāhi wa rasūlihi thumma lam yartābū wa jāhadū bi amwālihim wa anfusihim fī sabīli Allāhi ulā’ika humu al-ṣādiqūn” (al-Hujurāt 15).

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang *Mu’minūn* itu ialah mereka-mereka yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta mereka dan jiwa mereka di jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.”

Maka orang-orang yang sanggup berjihad dengan harta benda dan nyawa itu suatu tanda menunjukkan bahawa orang itu adalah dari golongan orang *Mu’minīn* yang sebenarnya, sebagaimana yang ditegaskan oleh Tuhan di dalam firman-Nya di atas.

Sesungguhnya telah tibalah saatnya kita melancarkan jihad *fī sabīli Allāh*, melihat kepada keadaan sekarang ini maka jihad itu sudah menjadi suatu kewajipan yang dimestikan (*fardu ain*) di atas

setiap orang Islam. Kerana sekalian para ulama fikah telah bersatu pendapat mengatakan bahawa bangsa Yahudi itu adalah musuh Allah, mereka telah merampas bumi Palestin dengan secara kekerasan sedang bumi Palestin itu adalah hak kepunyaan orang-orang Islam. Pada masa yang akhir-akhir ini mereka telah menguasai pula kota suci Baitul Maqdis di mana terletak di dalamnya Masjid al-Aqsa — kiblat orang-orang Islam yang pertama dan tempat persinggahan Rasulullah (S.A.W) di dalam perjalanannya mikraj ke langit — sebagaimana firman Allah di dalam sūrat Banī Isrā’īl¹ ayat (1) **“Subhāna alladhī asrā bi ‘abdihi laylan mina al-masjidi al-ḥarāmi ilā al-masjidi al-aqṣā”**. — “Maha Suci Tuhan yang telah menjalankan hamba-Nya pada waktu malam daripada Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa.”

Sesungguhnya perampasan yang telah dilakukan oleh orang-orang Yahudi terhadap bumi Palestin — satu

bahagian daripada bumi kepunyaan orang-orang Islam — (di mana di dalamnya terletak Masjid al-Aqsa) dan pengusiran yang mereka lakukan terhadap orang-orang Islam dari tanah air dan kampung halaman mereka, serta pencerobohan-pencerobohan yang mereka lakukan terhadap kehormatan orang-orang Islam adalah merupakan suatu bala yang besar ditimpakan ke atas mereka yang wajib dihindarkan dengan mengorbankan jiwa dan harta benda sebagaimana firman Allah: **“Infirū khifāfan wa thiqālan wa jāhidū bi amwālikum wa anfusikum fī sabīli Allāh, dhālikum khayrun lakum in kuntum ta’lamūn.”** Ertinya: “Keluurlah kamu (ke medan perjuangan) dengan berjalan kaki dan berkenderaan, dan berangkatlah kamu dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah. Demikianlah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu daripada golongan orang-orang yang mengetahui.”

Demi Allah bahawa sesungguhnya berjihad itu adalah sebaik-baik

¹ Merujuk kepada sūrat al-Isrā’.

jalan bagi kita, kerana di dalam amalan jihad itu didapati keredaan Allah, penjaga kehormatan, kampung halaman dan menjauhkan diri kita daripada kehinaan, kerana kita sebagai orang Islam tidak seharusnya hidup terhina.

Wahai kaum Muslimin!

Sesungguhnya peristiwa di Palestin itu adalah sebagai suatu ujian kepada kita semua, bagi memperbezakan di antara yang jahat dengan yang baik...firman Allah *“Wa li yumahhiṣa Allāhu alladhīna āmanū wa yamḥaqa al-kāfirīn, am ḥasibtum an tadkhulū al-jannata wa lammā ya‘lami Allāhu alladhīna jāhadū minkum wa ya‘lama al-ṣābirīn.”* Ertinya: “Dan kerana Allah hendak menguji mereka yang beriman dan hendak menghapuskan mereka yang kafir. Apakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal Allah belum membuktikan mereka yang berjihad di antara kamu dan belum membuktikan mereka yang sabar.”

Ingatlah wahai kaum Muslimin!

Hendaklah kamu jangan melengahkan menghulurkan bantuan, kepada negara Palestin dan melepaskannya daripada cengkaman kuku besi bangsa Yahudi yang durjana. Janganlah kamu lemah sangat daripada melaksanakan jihad kerana kasihkan anak, isteri dan keluarga. Dan janganlah pula kamu dilalaikan oleh harta yang banyak dan kehidupan yang mewah makmur, kerana harta dan kesenangan hidup itu pasti akan hilang dari sisi kamu, yang kekal hanya amal kebajikan yang kamu lakukan kerana Allah semata-mata. Firman Allah: *“Qul in kāna*

ābā’ukum wa abnā’ukum wa ikhwānukum wa azwājukum wa ‘ashrātukum wa amwāl iqtarāfūmūhā wa tijāratun takhshawnā kasādahā wa masākinu tarḍawnahā aḥabba ilaykum mina Allāhi wa rasūlihi wa jihādīn fī sabīlihi fa tarabbaṣū ḥattā ya’tiya Allāhu bi amrih, wallāhu lā yahdī al-qawma al-fāsiqīn.” Ertinya: “Katakanlah! Jika adalah bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu, keluarga kamu, harta benda yang kamu dapati, perdagangan yang kamu takuti kerugiannya, dan tempat-tempat tinggal yang kamu sukai itu, lebih tercinta kepada kamu daripada Allah dan rasul-Nya (dan lebih tercinta daripada) bersungguh-sungguh di jalan Allah, maka tunggulah sampai Allah datangkan urusan-Nya (azab-Nya), kerana Allah tidak akan memberi pertunjuk akan kaum yang fasik.”

Wahai kaum Muslimin! Seyogialah

bagi kamu memberikan tenaga kerjasama untuk mengembalikan bumi Palestin seluruhnya ke tangan orang-orang Islam. Sebahagian daripada usaha-usaha untuk merampas kembali bumi Palestin dari kekuasaan bangsa Yahudi, maka inilah satu rombongan daripada negeri Iraq mengadakan lawatan ke seluruh negeri Islam untuk menyeru sekalian umat Islam agar mereka sudi menghulurkan tenaga kerjasama berupa apa sahaja bantuan yang terdaya oleh mereka serta mengharapkan sokongan yang sepenuhnya di atas segala usaha yang sedang kami lancarkan demi untuk menunaikan kewajipan yang diredai

Allah terhadap agama dan tanah air yang dicintai.

Wahai kaum Muslimin sekalian!

Hendaklah kamu bergantung kepada pertolongan Allah dengan membersihkan jiwa kamu daripada dosa dan kesalahan, supaya kamu termasuk di dalam golongan orang-orang yang bersifat takwa. Sesungguhnya balasan yang baik itu tertentu kepada orang-orang yang bersifat takwa dan segala bantuan dan pertolongan akan diberikan kepada orang-orang *Mu‘minīn*. Firman Allah:

“In tanṣurū Allāha yanṣurkum wa yuthabbit aqdāmakum” ertinya:

“Jika sekiranya kamu menolong Allah nescaya Allah akan menolong kamu dan ditetapkan-Nya pendirian kamu”.

Firman-Nya lagi: *“Wa lā tahīnū wa lā taḥzanū wa antumu al-‘awlāna in kuntum mu‘minīn.”* Ertinya: “Dan jangan kamu lemah dan jangan kamu berdukacita, kerana kamulah orang yang paling tinggi jika kamu dari golongan orang-orang yang beriman.”

Wa al-salāmu ‘alaykum wa raḥmatu

Allāhi wa barakātuh.

Baghdad 12 Rabi‘ al-Awwal 1387

Amjad al-Zahawi

Ketua *Rābiṭah al-‘Ulamā’* di Iraq.

*

Kata-kata Hikmah

Orang yang meminta tolong kepada orang yang jahat, maka samalah dengan keadaan orang yang memancing ikan di padang pasir.